



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENGENDALI SISTEM (D.3-4 EB.5)
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENGENDALI SISTEM
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
D.3-4 EB.5 (\$900 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN)
KEKOSONGAN = ENAM (06)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang *Computing / Computing (General) / Computing and Information System / Komputer / Komputer dan Teknologi Maklumat / Komunikasi dan Informasi Teknologi / Pendidikan Komputer / Pengajian Komputer / Rangkaian Komputer / Sains Komputer* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melaksanakan kerja-kerja pengendalian sistem *back up, restore* dan *back-up media* dan *housekeeping* termasuk laman web, pemeliharaan, keselamatan dan lain-lain yang berkaitan dengan Operasi Sistem;
2. Melaksanakan pemantauan dan pelaksanaan kerja-kerja pengurusan aset *ICT (asset management)* dan infrastruktur rangkaian (*network*);
3. Membantu hal ehwal pengurusan pembekal (*vendor management*) yang berkaitan dengan urusan operasi *ICT*;
4. Memberi latihan dan tunjuk ajar kepada pengguna dalam memeriksa dan mengkod data-data untuk dirakamkan ke dalam sistem / aplikasi komputer jika diperlukan;
5. Membantu Penyelia Sistem atau Penjadual dalam memberikan tunjuk cara kepada pengguna dalam penggunaan komputer dan perisian jika diperlukan;
6. Bertanggungjawab bagi mengendalikan dan memantau meja bantu (*help desk*); dan
7. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan atau wakilnya dari semasa ke semasa.